

08 SEP 1996

Cuepacs-Tohmahan

CUEPACS MAHU IKUT MISI PERDAGANGAN UNTUK JAWAB TOHMAHAN

KUANTAN, 8 Sept (Bernama) -- Cuepacs akan meminta kerajaan supaya membawa bersama wakil-wakil kesatuan sekerja dalam misi perdagangan ke luar negara untuk membolehkan kesatuan sekerja turut memainkan peranan menjawab tohmahan dan tuduhan liar terhadap Malaysia.

Setiausaha Agung Cuepacs, N.Siva Subramaniam hari ini berkata, penyertaan dalam misi perdagangan itu akan membolehkan mereka membantu memberi gambaran sebenar kepada kesatuan-kesatuan sekerja atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) luar negara mengenai keadaan yang wujud di Malaysia.

Ini akan merupakan antara perkara yang akan dibincangkan apabila Cuepacs mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diharap dapat diadakan sebelum hujung tahun ini, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Cuepacs Pahang di sini.

Cuepacs mengutuk dan sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan mereka, terutamanya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang memburukkan imej Malaysia di luar negara, katanya.

"Ada antara pemimpin kesatuan sekerja negara ini yang memburukkan imej baik Malaysia di luar negara dengan melemparkan pelbagai dakwaan dan tuduhan tidak berasas...kita sepatutnya mencontohi rakyat Jepun yang tidak memburukkan negara mereka di luar negara," katanya.

Cuepacs tidak akan menjadi boneka sebaliknya akan berjuang mempertahankan nama baik Malaysia, katanya.

Semasa pertemuan dengan Dr Mahathir nanti, katanya, Cuepacs juga akan membangkitkan beberapa perkara termasuk mengenai Imbuan Tetap Perumahan yang menurutnya perlu dinaikkan kepada RM230 sebulan daripada antara RM90 dan RM110 yang diterima sekarang.

Mengenai Sistem Saraan Baru (SSB) dalam perkhidmatan awam, Siva Subramaniam yang juga Setiausaha Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan mendakwa ada segelintir ketua jabatan yang menyalahgunakan kuasa mereka semasa membuat penilaian prestasi kakitangan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu menyiasat dan menyenaraikan nama kakitangan yang telah dua kali atau lebih mendapat pergerakan gaji menegak atau melintang sejak SSB diperkenalkan, katanya.

Beliau mendakwa kira-kira 70 peratus kakitangan jabatan-jabatan pendidikan daerah mendapat pergerakan gaji seumpama itu, yang menurutnya perkara itu berlaku kerana ketidakadilan dalam menilai prestasi kakitangan.

Adalah tidak salah jika kenaikan itu diberikan kerana prestasi cemerlang tetapi ada antara ketua jabatan memberikan penilaian cemerlang kepada saudara mara serta isteri mereka, katanya. -- BERNAMA

AZ PR